



MAJLIS PERBANDARAN KULAI
TAWARAN SEBUT HARGA BIL. 7/2025 (KKM)
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

TARIKH JUALAN DOKUMEN : 19 OGOS 2025 (SELASA)
TARIKH TUTUP : 25 OGOS 2025 (ISNIN)

Bil	No. Sebutharga	Tajuk Kerja	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MPKu/SH/60/2025 (MPKu)	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR LIMA UNIT MESIN PENYEDUT SAMPAH UNTUK KEPERLUAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN KULAI	KKM	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	130102	RM 30.00
2.	MPKu/SH/61/2025 (MPKu)	KERJA-KERJA PEMBERSIHAN LORONG BELAKANG (BACK LANE) DI KAWASAN TAMAN SCIENTEX, TAMAN MANIS, TAMAN WEDO, TAMAN WAWASAN, KELAPA SAWIT, TAMAN PUTRI, TAMAN GUNUNG PULAI, TAMAN GEMILANG INDAH PURA, BANDAR BARU KANGKAR PULAI, PULAIJAYA, KAWASAN SEKITAR BANDAR SENAI DAN KAWASAN SENGKANG	KKM	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	221002	RM 30.00
3.	MPKu/SH/62/2025 (MPKu)	KERJA-KERJA MEMBEKAL POKOK BUNGA HIASAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KULAI BAGI TAHUN 2025 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	KKM	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	070201	RM 30.00
4.	MPKu/SH/63/2025 (MPKu)	MEMBEKAL, MENCETAK DAN MENGEPOS BIL CUKAI TAKSIRAN DAN NOTIS TUNTUTAN BAYARAN CUKAI BESERTA TRANSFORMASI BIL DIGITAL MAJLIS PERBANDARAN KULAI BAGI TAHUN 2026	KKM	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	221606 DAN 221615 DAN 221710	RM 50.00
5.	MPKu/SH/64/2025 (MPKu)	PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN PENGURUSAN JOHOR WIFI BAGI MAJLIS PERBANDARAN KULAI SELAMA (2) DUA TAHUN	KKM	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA	210101 DAN 210102 DAN 210103 DAN 210104 DAN 210105	RM 50.00

MAKLUMAN

1. Sebut Harga ini dipelawa kepada Kontraktor **YANG MASIH MEMPUNYAI TEMPOH SAH LAKU** sekurang-kurangnya **3 BULAN** dari **tarikh tutup iklan** serta bagi Pembelian Dokumen Sebut Harga sila bawa bersama-sama **SIJIL-SIJIL ASAL** beserta **SATU (1) SALINAN** bagi perkara berikut:
 - a) Bagi Sebut harga Bekalan dan Perkhidmatan **MPKu/SH/60/2025 - MPKu/SH/64/2025:**
 - i. Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) ;
 - ii. Pembekal / Syarikat yang berdaftar **DAN** bertaraf Bumiputera dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** di bawah senarai kod bidang pengkhususan yang berkaitan;
 - iii. **HANYA PENAMA** di dalam **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** yang dibenarkan untuk hadir bagi pembelian dokumen Sebut Harga. **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN** ; dan
 - iv. Cop Syarikat.
2. Tawaran ini terbuka kepada Kontraktor dan Pembekal yang telah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kulai sahaja. Pendaftaran pertama kali (bagi yang belum berdaftar) / pembaharuan pendaftaran boleh dilakukan semasa urusan pembelian sebut harga.
3. Dokumen Sebut Harga akan mula dijual pada **19 OGOS 2025 (SELASA)** sehingga **25 OGOS 2025 (ISNIN)** semasa waktu pejabat di **Kaunter Bahagian Perolehan dan Pengurusan Kontrak Aras Bawah, Bangunan Lama MPKu.**
4. Kontraktor dan Pembekal yang ingin memasuki tawaran di atas dikehendaki membuat bayaran secara **Kiriman Wang/Draf Bank** sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KULAI** sebagai bayaran Dokumen Sebut Harga.
5. Penyebutharga diminta melengkapkan Senarai Semakan beserta tandatangan dan cop syarikat di muka pertama Dokumen Sebut Harga sebelum dimasukkan ke dalam Peti Tawaran. Segala kesulitan yang dihadapi sekiranya gagal melengkapkan dokumen sebut harga adalah dibawah tanggungan pihak penyebutharga sendiri.
6. Waktu penjualan dokumen Sebut Harga adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU OPERASI KAUNTER	WAKTU REHAT
ISNIN - KHAMIS	8.30 PAGI – 4.30 PETANG	1.00 PETANG – 2.00 PETANG
JUMAAT	8.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI 2.45 PETANG - 4.30 PETANG	12.15 TENGAH HARI – 2.45 PETANG

7. Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **(1) SATU** Sampul Surat yang berlakri dan bertanda dengan no. Sebut Harga yang berkenaan sebelah kiri atas sampul surat dan dikembalikan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bahagian Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Aras Bawah , Bangunan Lama MPKu** sebelum jam :

12.00 TENGAHARI pada : 25 OGOS 2025 (ISNIN)

8. Sekiranya perlu, pihak syarikat boleh menuntut semula dokumen Sebut Harga / Tender beserta Profil Syarikat dalam tempoh **4 bulan selepas tarikh tutup jualan Sebut Harga / Tender**. Jika tiada tuntutan dibuat dalam tempoh tersebut, dokumen Sebut Harga / Tender beserta Profil Syarikat akan dilupuskan.

YANG DIPERTUA,
MAJLIS PERBANDARAN KULAI,
JALAN PEJABAT KERAJAAN,
81000 KULAI.

TARIKH DIKELUARKAN : 15 OGOS 2025